

Kementerian Pengajian beri keutamaan bina hospital pengajar di UMS

NST 10/09/2011 2

KOTA KINABALU: Kementerian Pengajian Tinggi memberi keutamaan untuk membina hospital pengajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kata Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa.

Beliau berkata, kerajaan telahpun bersetuju untuk mengutamakan pembinaan hospital itu kepada UMS kerana selama ini para pelajar Fakulti Perubatan universiti berkenaan terpaksa menggunakan Hospital Queen Elizabeth untuk membuat rujukan dan penyelidikan.

"Kita tahu ia agak terhad ... untuk menjadi seorang doktor yang dapat berkhidmat dengan baik kepada masyarakat, sebuah hospital pengajar amat penting kepada fakulti perubatan sesebuah universiti.

"Oleh itu awal tahun ini, saya telah memberi keutamaan projek ini kepada UMS dan kerajaan telah pun bersetuju memberikan hospital pengajar kepada UMS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Lafaz Ikrar & Aku Janji Mahasiswa Baru UMS, di Dewan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu dihadiri oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egeh dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Haji Ampon.

Sementara itu, Musa mahu supaya hospital pengajar itu dapat dibina secepat mungkin untuk memenuhi kehendak dan keperluan para pelajar fakulti perubatan UMS.

"Apa yang penting kerajaan sudahpun meluluskan dan sekarang kita tunggu. Kerajaan negeri berterima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kementerian Pengajian Tinggi yang begitu prihatin terhadap keperluan yang kita tunggu-tunggu selama ini," katanya.

Naib Canselor UMS turut mengalu-alukan pembinaan hospital itu dan berharap dengan adanya hospital berkenaan akan memudahkan para pelajar Fakulti Perubatan menjalani latihan.

"Sekolah Perubatan di universiti ini sudah pun siap tapi masalahnya sekarang ialah di mana kita mahu hantar pelajar kita untuk menjalani latihan? kerana HQE sekarang sedang dalam pengubahsuaian.

"Oleh itu saya berharap dengan terbinanya hospital pengajar UMS akan memudahkan para pelajar kita menjalani latihan," katanya. -**OLEH MARRYAN RAZAN**